

KONSEP KENDIRI (Part 1)

Azizi Hj Yahaya

Pengenalan

Konsep sendiri penting bagi remaja. Oleh sebab mereka mengalami peningkatan kekuatan fizikal dan tahap autonomi pada waktu ini, remaja mempunyai konsep sendiri yang salah. Ia kadang kala membahayakan diri mereka dan orang lain. Mereka mungkin menjadi devian, tiada keyakinan diri, tersisih dan lain-lain. Konsep sendiri di kalangan remaja merangkumi tiga aspek. Pertama, bagaimana remaja melihat dirinya. Kedua, bagaimana remaja mahu dirinya dilihat. Ketiga, bagaimana remaja mempamerkan dirinya kepada orang lain.

Remaja pada umumnya merujuk kepada golongan manusia yang berumur 12-21 tahun. Dari sudut perkembangan manusia, remaja merujuk kepada satu peringkat perkembangan manusia, iaitu peringkat transisi antara peringkat kanak-kanak dan peringkat dewasa. Semasa seseorang itu mengalami zaman remaja dia akan mengalami pelbagai perubahan yang drastik, termasuklah perubahan jasmani, sosial, emosi, dan bahasa. Akibat daripada itu, seorang remaja merupakan orang yang emosinya tidak stabil, dan sentiasa bermasalah.

Konsep sendiri remaja berkait rapat dengan cara remaja itu menganggap dirinya secara fizikal. Oleh itu, remaja terlalu prihatin dengan bentuk tubuh badan, fesyen dan baju menjadi simbol diri dan gemar merayau-rayau di kompleks membeli belah. Konsep sendiri berkait rapat dengan tahap pencapaian akademik. Lazimnya remaja yang mempunyai konsep sendiri yang positif menunjukkan prestasi yang baik dalam pelajaran, manakala remaja yang mempunyai konsep sendiri negatif, lemah dalam bidang akademik. Remaja perlu dibentuk dan dididik supaya mempunyai sendiri positif.

Kemahiran berkomunikasi penting bagi membentuk identiti yang menarik dan positif. Bagi mendapatkan komunikasi, remaja perlu menjadi pendengar yang baik iaitu dapat memahami apa yang dikatakan oleh orang lain. Ini memudahkan mereka membuat tanggapan

dan kesimpulan. Selain itu, remaja perlu menghormati dan mengambil kira pandangan orang lain iaitu perlu rasional sewaktu mendengar pandangan orang lain. Di samping itu, remaja perlu menghargai pendapat diri sendiri yang menggambarkan nilai diri yang tinggi dan meluahkan perasaan kepada ibu bapa apabila menghadapi masalah. Konsep kendiri juga dinilai melalui bilangan rakan-rakan yang dimiliki oleh remaja. Rakan sebaya diperlukan bagi berkongsi idea yang baik dan memberi penghargaan kepada mereka.

Remaja perlu mengekalkan hubungan dengan rakan-rakan sehingga dewasa. Sesetengah individu apabila sudah berumah tangga, mereka kurang mendampingi ataupun meninggalkan terus rakan-rakan yang pernah bersama dahulu. Kemudahan dan keperluan yang sesuai seperti tempat belajar, kawasan permainan, bilik bacaan dan tempat berehat diperlukan oleh golongan remaja. Dengan prasarana yang disediakan, remaja mendapat kepuasan dan menikmati keperluan asasi sosial.

Ibu bapa dan guru perlu bersikap adil serta bertimbang rasa pada remaja. Remaja berbeza dari segi kebolehan, minat, ketahanan fizikal, mental dan emosi. Oleh itu, ibu bapa dan guru perlu mewujudkan suasana kemesraan, bertimbang rasa dan memberi perhatian yang lebih kepada remaja. Ibu bapa dan guru sebaik-baiknya tidak meletakkan harapan yang terlalu tinggi pada remaja. Mereka perlu memahami tahap pencapaian remaja dan tidak membandingkan antara sesama remaja. Ini menyebabkan remaja berasa rendah diri dan tidak yakin dengan diri sendiri. Remaja juga perlu mendapat pendidikan agama yang secukupnya bagi memiliki konsep kendiri yang positif.

Pembentukan konsep kendiri remaja dapat dilihat melalui ciri-ciri remaja tersebut. Pada peringkat perkembangan remaja, mereka akan mengalami perubahan dari semasa ke semasa baik dari segi fizikal mahupun mental. Pembentukan ini boleh dilihat dari perubahan perasaan atau emosional. Ia sangat cepat berlaku pada individu yang melangkah ke alam remaja seperti tekanan perasaan atau memberontak. Perubahan emosional ini adalah hasil daripada perubahan hormon. Pada masa perubahan ini berlaku, kebanyakan mereka suka mengikut perasaan dan sering mengalami tekanan. Akibat daripada itu, pelbagai tindakan yang diluar jangkaan sering dilakukan oleh mereka bagi cuba memenuhi hati dan kehendaknya semata-mata. Perubahan fizikal mereka juga mengalami banyak perubahan pada tahap remaja. Kadangkala, perubahan

cepat berlaku samada perubahan dalaman seperti kematangan seksual, pencernaan, sistem perkumuhan mahupun perubahan luaran seperti tinggi, berat badan. Ini sangat dipengaruhi oleh konsep diri remaja tersebut. Kebanyakan remaja bersikap dilema dalam menghadapi perubahan yang terjadi. Kadangkala mereka menginginkan kebebasan, tetapi kadangkala mereka takut akan tanggung jawab yang menyertai kebebasan tersebut, serta meragukan kemampuan mereka sendiri untuk memikul tanggung jawab tersebut.

Konsep kendiri dalam hubungan keluarga juga berlaku. Asuhan kanak-kanak adalah proses yang berterusan. Interaksi kanak-kanak dengan ibu bapa akan memberi kesan ke atas tingkah laku mereka pada masa sekarang dan juga tingkah laku pada masa hadapan. Menurut Sears perkembangan tingkah laku dapat dinyatakan sebagai proses berterusan keadaan yang teratur dan dapat mencorakkan tingkah laku kanak-kanak. Sosialisasi diperlukan bagi melengkapi proses perkembangan.

Oleh itu, keadaan sosial menetapkan tiga fasa perkembangan iaitu fasa pertama berkaitan dengan tingkah laku peringkat permulaan. Fasa ini bergantung pada keperluan awal, semula jadi dan berlaku pada enam bulan pertama bayi. Fasa kedua pula berkaitan dengan sistem motivasi menengah berdasarkan pembelajaran berpusatkan keluarga. Manakala fasa ketiga adalah berdasarkan pembelajaran selain daripada keluarga. Fasa ini memperkenalkan pengalaman persekitaran yang lebih luas daripada lingkungan keluarga. Setiap aspek perkembangan ini adalah bergantung antara satu sama lain dan perkembangan setiap fasa adalah sama.

CONTINUE...